

SOALAN NO. 9**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN****MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 6 MAC 2018 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan baru-baru ini dikejutkan dengan kes penderaan kanak-kanak sehingga ada yang menyebabkan kematian. Apakah Kementerian mempunyai mekanisme untuk mengesan kes-kes penderaan ini seterusnya dapat mencegah agar ianya tidak sampai menyebabkan kepada kematian kanak-kanak tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak berhasrat untuk mewujudkan mekanisme baharu bagi mengesan kes penderaan memandangkan perundangan dan sistem sedia ada yang memfokuskan kepada perlindungan kanak-kanak dengan melibatkan pelbagai agensi berkaitan dilihat komprehensif dan menepati obligasi negara terhadap Konvensyen Antarabangsa Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC).

Seksyen 17(1)(a) dan (b) Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan bahawa kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan perlindungan jika kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan akan dcederakan dari segi fizikal, emosi atau seksual oleh ibu atau bapa atau penjaganya. Keadaan sedemikian membolehkan kanak-kanak tersebut diambil oleh Pelindung, Pembantu Pelindung atau pegawai polis untuk jagaan sementara.

Tambahan kepada itu, Akta Kanak-kanak 2001 yang dipinda pada tahun 2016 bertujuan menggalakkan penyampaian maklumat oleh orang awam termasuk guru, sahabat dan jiran di bawah seksyen baharu iaitu seksyen 29A sekiranya terdapat kanak-kanak yang dianiaya dari segi fizikal, emosi dan seksual.

Dalam pada itu, perkhidmatan seperti Talian Kasih 15999 juga berfungsi untuk rakyat terus menyalurkan isu-isu sosial kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mempercepatkan proses melindungi kanak-kanak berkenaan.

Tuan Yang Dipertua,

Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak yang ditubuhkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 juga dilihat sebagai mekanisme perlindungan kanak-kanak dari kalangan anggota masyarakat melalui penubuhannya di daerah-daerah seluruh negara dengan dianggotai oleh pegawai perubatan, pegawai polis serta individu-individu yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam pencegahan, pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak.

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 yang turut memperuntukkan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan seksual dan pornografi terhadap kanak-kanak dan dilihat dapat menyelamatkan kanak-kanak berkenaan sebelum jenayah yang lebih besar seperti rogol dan dera berlaku.

Dengan adanya mekanisme-mekanisme ini, Kementerian dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain akan memastikan pelaksanaan dan penguatkuasaannya secara terus menerus demi memastikan perlindungan dan kebajikan kanak-kanak.